



600 pelajar sekolah meriahkan Karnival Bahasa Tamil

Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang Seramai 600 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) termasuk di kalangan pelajar sekolah menengah sekitar negeri Pahang hadir memeriahkan Pertandingan Karnival Bahasa Tamil Peringkat Negeri Pahang yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 21 September 2013 yang lalu.

Dalam karnival ini, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir merasmikan majlis penutup Karnival Bahasa Tamil dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan yang dijanjikan.

Menurut Dato' Dr. Daing, beliau percaya magnitud impak manfaat pertandingan ini boleh diadakan dengan lebih besar lagi dengan kepelbagaian kategori penyertaan yang melibatkan pelbagai kaum dengan adanya kepakaran daripada Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP.

"Keupayaan ini akan turut memartabatkan nama UMP di mata umum yang mana universiti ini akan dilihat tidak sekadar sebuah institusi pengajian kejuruteraan dan

teknologi, tetapi turut menjadi semaian subur kepada perpaduan nasional berasaskan semangat muhibbah yang tinggi," katanya.

Tambah beliau lagi, dalam hubungan ini, pihak pengurusan UMP sentiasa memberi sokongan penuh kepada pihak penganjur dan amat mengalu-alukan daya usaha pihak penganjur untuk melakukan penambahbaikan berterusan terhadap kualiti pengelolaan pertandingan ini.

Beliau mengharapkan dengan semangat 1Malaysia, penganjuran pertandingan ini dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh warga mahasiswa UMP dalam mendukung semangat persahabatan dan perpaduan antara kaum melalui perantaraan bahasa.

Pensyarah UMP yang juga penasihat program, Dr. Gaanty Pragas A/l Maniam, berkata program ini berjaya mendapat sambutan dengan penglibatan sebanyak 13 sekolah hasil kerjasama Jawatankuasa Kebudayaan India UMP dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang.

Katanya, penganjuran kali kedua ini juga dapat mewujudkan pandangan yang jelas

kepada semua kaum tentang keaslian dan kepentingan dalam memelihara bahasa Tamil serta membentuk kesedaran sosial dalam kalangan pelajar sekolah di negeri Pahang dan institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Malah, secara tidak langsung, inisiatif ini juga memberi peluang kepada pelajar dari pelbagai kaum untuk mengenali bahasa Tamil di samping mengeratkan lagi hubungan baik di antara mereka.

Turut hadir memeriahkan program, wakil Timbalan Menteri Pendidikan II, Uvaraja Maniam, Bekas Adun Sabai, Dato' M. Devandran dan Penolong Pengarah Kanan Sektor Pengurusan Akademik Bahasa Tamil, Poobalan Manickam.

Pelbagai pertandingan diadakan untuk memeriahkan karnival ini antaranya pertandingan drama, menulis cerpen, mendeklamasi sajak, syarahan dan pertandingan perbahasan. Bagi pertandingan drama dimenangi pasukan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Karak Setia dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Semantan, Temerloh.